



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI (HICoE)**

**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
Emel : coe.bkpi@mohe.gov.my**

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1	Latar Belakang HICoE	3
1.2	HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi	4
1.3	HICoE Teras Perkhidmatan	6

BAHAGIAN 2 : TADBIR URUS HICoE

2.1	Fasa Pelaksanaan HICoE	8
2.2	Dana Penyelidikan HICoE	11
2.3	Peraturan Kewangan	14
2.4	Penalti dan Ketidakpatuhan	21
2.5	Tanggungjawab Pemegang Taruh (<i>Stakeholder</i>)	22

BAHAGIAN 3 : PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

3.1	Pemantauan	24
3.2	Status Pemantauan	26

BAHAGIAN 4 : SOALAN LAZIM (FAQ)

4.1	Permohonan HICoE	28
4.2	Pelaksanaan HICoE	30

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang HICoE

Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (Higher Institution Centres of Excellence, HICoE) merupakan sebuah program Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Program HICoE terbahagi kepada dua (2) teras utama iaitu Penyelidikan dan Inovasi serta Perkhidmatan. Sehingga kini, HICoE telah menghasilkan impak kepada penghasilan bakat baharu penyelidikan, penerbitan jurnal berimpak tinggi serta penghasilan inovasi yang dapat memberi manfaat kepada akademia, industri, kerajaan, komuniti dan persekitaran.

CoE yang menerima penarafan HICoE disediakan Dana Penyelidikan bagi melaksanakan program penyelidikan dalam bidang nic dengan menyediakan Pelan Tindakan dan Halatuju yang memperincikan perancangan program dan projek yang mampu melonjakkan kecemerlangan HICoE. Kemajuan prestasi HICoE dipantau oleh JPT melalui Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di dalam Instrumen HICoE. HICoE juga perlu mengemukakan laporan prestasi pencapaian menurut kala pemantauan yang ditetapkan oleh JPT. Prestasi pencapaian yang ditentukan melalui pemantauan tersebut akan digunakan oleh JPT sebagai asas bagi penyaluran dana penyelidikan HICoE bagi tahun seterusnya mengikut Fasa pelaksanaan masing-masing.

Garis Panduan HICoE 2023 menggariskan beberapa perkara baharu dan inisiatif baharu di bawah Dana Penyelidikan HICoE. Garis Panduan ini akan dijadikan rujukan kepada semua CoE di IPT serta CoE yang telah diberi penarafan HICoE oleh KPT.

1.2 HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi

1.2.1 Definisi

Sebuah entiti berteraskan penyelidikan dan inovasi dalam bidang khusus yang ditubuhkan oleh sesebuah IPT bagi menyerlahkan kecemerlangan penyelidikan serta wujud secara bersimbiosis dengan IPT.

1.2.2 Visi

Mencapai tahap entiti penyelidikan yang dirujuk dan disanjung dalam bidang berkaitan di peringkat antarabangsa.

1.2.3 Misi

Menerajui perkembangan ilmu dalam bidang berkaitan dengan menjalankan kajian *fundamental* dan menyebarkan dapatan penyelidikan melalui wadah tersohor.

1.2.4 Objektif

- a) Menjana dan menyebarkan ilmu baharu;
- b) Menyediakan ilmu asas untuk penyelidikan gunaan dan pembangunan teknologi;
- c) Membangunkan bakat untuk kelangsungan entiti dan keperluan negara;
- d) Membina jaringan kolaborasi dan perkongsian sumber serta kepakaran dengan agensi dari dalam dan luar Negara;
- e) Menjadi pusat rujukan tersohor dalam bidang penyelidikan; dan
- f) Meningkatkan daya saing entiti untuk memperolehi geran penyelidikan daripada pelbagai sumber, khususnya geran antarabangsa.

1.2.5 Syarat Asas Permohonan

- a) CoE hendaklah ditubuhkan oleh IPT;
- b) Penubuhan CoE hendaklah diiktiraf oleh Senat dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU);
- c) CoE hendaklah ditubuhkan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan mempunyai rekod/bukti bagi pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut;
- d) CoE telah beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan peruntukan operasi tersendiri;
- e) CoE perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang staf akademik sepenuh masa berjawatan tetap; dan
- f) CoE perlu menyerlah dalam sekurang-kurangnya satu (1) bidang nic.

1.2.6 Kriteria Penilaian Instrumen

SEKSYEN	KRITERIA	MARKAH PENUH
A	Maklumat Asas	-
B	Kuantiti & Kualiti Penyelidikan	15
C	Kuantiti & Kualiti Penyelidik	35
D	Kuantiti & Kualiti Pascasiswazah	10
E	Inovasi	15
F	Perkhidmatan Profesional & Gift	10
G	Rangkaian dan Jaringan Kolaborasi	12
H	Sumber	3
Markah Keseluruhan		100

Pemarkahan Minimum HICoE Teras Penyelidikan & Inovasi :

1. Memperoleh 80 markah daripada markah keseluruhan; DAN
2. Memperoleh 48 markah daripada jumlah markah Seksyen B, C dan D.

1.3 HICoE Teras Perkhidmatan

1.3.1 Definisi

Sebuah entiti berteraskan perkhidmatan berasaskan penyelidikan (70%:30%) yang mempunyai prestasi cemerlang di dalam bidang tujahan tertentu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Entiti tersebut juga dapat menjana pendapatan ke arah kelestarian menerusi perkhidmatan yang berasaskan penyelidikan serta wujud bersimbiosis dan disokong berterusan oleh IPT.

1.3.2 Visi

Menawarkan perkhidmatan berasaskan penyelidikan yang menjana kewangan.

1.3.3 Misi

Mencapai tahap entiti perkhidmatan berasaskan penyelidikan yang relevan, dirujuk dan disanjung dalam bidang berkaitan di peringkat antarabangsa.

1.3.4 Objektif

- a) Menjana pendapatan dan memindahkan penemuan ilmu melalui perkhidmatan yang ditawarkan;
- b) Menjadi pusat rujukan negara dalam bidang penyelidikan nic;
- c) Membangun bakat untuk kelangsungan entiti dan keperluan Negara; dan
- d) Meneraju jaringan kerjasama di kalangan IPT dan agensi di dalam bidang nic.

1.3.5 Syarat Asas Permohonan HICoE

- a) CoE hendaklah ditubuhkan di IPT;
- b) Penubuhan CoE hendaklah diiktiraf oleh Senat IPT dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU);
- c) CoE hendaklah ditubuhkan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan mempunyai rekod/bukti bagi pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut;
- d) CoE telah beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- e) CoE perlu mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) orang staf akademik sepenuh masa;
- f) CoE hendaklah mampu menampung kos operasi apabila diiktiraf dan mampu menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos operasi dan 50% emolumen selepas tiga tahun (3) diiktiraf sebagai HICoE; dan
- g) CoE perlu menyerlah dalam sekurang-kurangnya satu (1) bidang tujahan.

1.3.6 Kriteria Penilaian Instrumen

SEKSYEN	KRITERIA	MARKAH PENUH
A	Maklumat Asas	-
B	Perkhidmatan	40
C	Hubungan dan Jaringan Kolaborasi	10
D	Penyelidikan	30
E	Pengiktirafan dan Impak	10
F	Sumber	10
Markah Keseluruhan		100

Pemarkahan Minimum HICoE Teras Perkhidmatan:

1. Memperoleh 80 markah daripada markah keseluruhan; DAN
2. Memperoleh 56 markah daripada jumlah markah Seksyen B dan Seksyen D.

BAHAGIAN 2

TADBIR URUS HICoE

2.1 Fasa Pelaksanaan HICoE

HICoE mempunyai **tiga (3) fasa pelaksanaan** di mana terdapat perbezaan pada jumlah dana penyelidikan yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan pada masa akan datang.

2.1.1 HICoE Fasa I

Ini merupakan fasa pertama selepas sesebuah CoE diiktiraf sebagai HICoE oleh KPT. Tempoh pelaksanaan HICoE Fasa I adalah tiga (3) tahun di mana geran penyelidikan dan KPI tahunan adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH GERAN PENYELIDIKAN HICoE (RM)	KPI TAHUNAN
1	*3 juta	<ul style="list-style-type: none">• KPI tahunan seperti di dalam Instrumen HICoE sedia ada;• Endowmen yang diambil kira adalah tunai dan harta/aset yang tiada susut nilai berjumlah RM1juta dalam tempoh 3 tahun;• Sekurang-kurangnya 1 MoA dengan **industri dalam tempoh 3 tahun;• Impak kepada <i>Quintuple Helix</i> (kerajaan, akademia, komuniti, industri dan persekitaran)
2	*2.25 juta	
3	*1.5 juta	
Jumlah Keseluruhan	6.75 juta	

Nota :

*Jumlah peruntukan dan pemberian Dana Penyelidikan HICoE bergantung kepada perubahan dasar yang diterima oleh JPT dan prestasi semasa selepas proses pemantauan tahunan HICoE.

** Kerjasama secara aktif dengan HICoE :

- a) Perkongsian dan gunasama peralatan/kemudahan/data penyelidikan;
- b) Mengenalpasti dan bekerjasama di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri berkaitan;
- c) Membantu dalam pengkomersilan inovasi HICoE; dan
- d) Memberi input teknikal dan professional mengenai penyelidikan bidang nic HICoE; dan
- e) Peranan industri mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE.

2.1.2 HICoE Fasa II

Ini adalah fasa kedua HICoE selepas tamat tempoh bagi HICoE Fasa I. Walau bagaimanapun, HICoE yang berkelayakan sahaja akan ditawarkan ke fasa ini di mana prestasi semasa pelaksanaan HICoE Fasa I (KPI dan kewangan) akan diambil kira untuk ke fasa ini. Tempoh pelaksanaan HICoE Fasa II adalah empat (4) tahun (2 + 2 tahun) di mana Dana Penyelidikan dan KPI tahunan adalah seperti berikut berikut :

TAHUN	JUMLAH DANA PENYELIDIKAN HICoE (RM)	KPI TAHUNAN
1	*2 juta secara <i>one-off</i>	<ul style="list-style-type: none">• KPI tahunan seperti di dalam Instrumen HICoE sedia ada;• Penjanaaan pendapatan mesti menampung 100% belanja operasi bidang nic sahaja.
2		
3	**Geran Padanan (<i>Matching Grant</i>)	
4	**50% (peruntukan KPT) : 50% (Geran Industri & Antarabangsa) dan Penjanaaan Pendapatan HICoE **Peruntukan Minimum RM300ribu dan maksimum RM1juta	

Nota : *Jumlah peruntukan dan pemberian Dana Penyelidikan HICoE bergantung kepada perubahan dasar yang diterima oleh JPT dan prestasi semasa di HICoE Fasa I.

**Jumlah geran padanan adalah tertakluk kepada jumlah geran penyelidikan daripada sumber luar (Industri dan Antarabangsa) serta janaan pendapatan yang diperolehi oleh HICoE (kedua-duanya perlu dalam bidang nic HICoE) bagi tahun pertama dan kedua sahaja.

2.1.3 HICoE Bertauliah

Ini adalah fasa terakhir di dalam program HICoE di mana JPT akan mentauliahkan HICoE yang telah tamat tempoh bagi HICoE Fasa I (tidak diluluskan ke Fasa II) atau tamat tempoh HICoE Fasa II.

Melalui HICoE Bertauliah, prestasi HICoE sepanjang tempoh pendarafan akan dinilai melalui Instrumen HICoE sedia ada. Peruntukan sejumlah dana insentif akan diberikan kepada HICoE yang berkelayakan bagi tujuan untuk memastikan HICoE Bertauliah akan terus mengekalkan kecemerlangan dan kelestarian dalam penyelidikan bidang nic masing-masing. Kadar nilai dana insentif bergantung kepada perolehan markah Instrumen HICoE sedia ada bagi sesebuah HICoE tersebut seperti berikut:

PEMARKAHAN INSTRUMEN HICoE	JUMLAH INSENTIF (RM)
80% ke atas	1,000,000
70% ke 79%	800,000
60% ke 69%	600,000
50% ke 59%	400,000
40% ke 49%	200,000

*Kadar pemarkahan Instrumen HICoE adalah seperti yang diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk HICoE

Penggunaan dana insentif ini perlu selari dengan pecahan komponen-komponen Dana Penyelidikan HICoE sedia ada. Justeru, HICoE perlu mengisi Instrumen HICoE bagi memperoleh Dana Insentif HICoE Bertauliah serta membentangkan perancangan penyelidikan (bersesuaian dengan tempoh penarafan HICoE Fasa I dan Fasa II yang telah diberikan oleh KPT) dan perincian perbelanjaan Dana Insentif HICoE yang memberi impak kepada Quintuple Helix. HICoE Bertauliah perlu mengemukakan laporan prestasi masing-masing (bergantung kepada keperluan semasa JPT) bagi tujuan pemantauan dan penilaian (jika perlu) oleh JPT.

2.2 Dana Penyelidikan HICoE

Penarafan HICoE adalah bertujuan untuk mengiktiraf CoE yang berpotensi untuk berkembang maju ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, dana penyelidikan diberikan kepada HICoE bagi mencapai KPI yang dipersetujui bersama di antara JPT dan HICoE. HICoE akan diberikan dana penyelidikan bagi membiayai perbelanjaan penyelidikan dalam menjana aktiviti akademik, penyelidikan dan pembelajaran yang berkualiti tinggi serta meningkatkan keupayaan makmal penyelidikan HICoE ke arah mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi ISO17025.

Dana penyelidikan tersebut juga adalah bagi membiayai belanja harian untuk kegiatan penyelidikan termasuklah latihan, perkhidmatan khusus penyelidikan, pengantarabangsaan dan sebagainya. Bagi mencapai sasaran HICoE melalui perbelanjaan yang seimbang, pecahan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE adalah seperti di jadual berikut:

NO.	PECAHAN KOMPONEN	PERATUSAN PERBELANJAAN DANA PENYELIDIKAN HICoE (%)	
		TERAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI	TERAS PERKHIDMATAN
(i)	Program Penyelidikan dan Perkhidmatan	55	40
(ii)	Naik Taraf Infrastruktur / Peralatan	20	30
(iii)	Latihan Jangka Pendek Staf	15	15
(iv)	Jaringan dan Kolaborasi	10	15
Jumlah		100%	100%

Sesebuah HICoE perlu menyediakan Pelan Tindakan dan Halatuju yang merangkumi maklumat terperinci bagi aktiviti penyelidikan, kolaborasi dengan institusi penyelidikan serta industri tempatan dan antarabangsa, strategi-strategi dalam meningkatkan pencapaian di peringkat serantau serta antarabangsa (berdasarkan bidang nic) seperti perolehan geran, keanggotaan dalam institusi serantau/antarabangsa, pertukaran tenaga akademik, kemasukan pelajar serantau/antarabangsa di samping penerbitan penyelidikan dan pengukuhan/penjanaan bakat serta lain-lain aktiviti akademik dan penyelidikan yang mampu melonjakkan kecemerlangan HICoE.

2.2.1 Tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Tadbir urus Dana Penyelidikan HICoE dalam tempoh penarafan dipertanggungjawabkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di IPT masing-masing. Justeru RMC memainkan peranan penting di dalam memastikan pelaksanaan dan perbelanjaan semasa HICoE selari dengan Garis Panduan serta terma-terma yang telah ditetapkan oleh KPT. Lanjutan itu, kelulusan bagi perkara-perkara berikut perlu dikemukakan dan dipersetujui oleh RMC di IPT masing-masing terlebih dahulu sebelum ianya dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing.

a. Kelulusan Perjalanan ke Luar Negara

- (i) Permohonan HICoE perlu melalui Jawatankuasa sedia ada di IPT masing-masing (Contoh : Jawatankuasa Pengurusan Universiti);
- (ii) Sekiranya terdapat keperluan mendesak, kelulusan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing;
- (iii) Kelulusan RMC adalah dibenarkan kepada ahli penyelidik serta pelajar PhD/post-doktoral (hanya untuk sangkutan latihan) yang berkaitan dengan bidang nic HICoE sahaja. Tempoh sangkutan latihan bagi pelajar PhD/post-doktoral adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing; dan
- (iv) Tempoh bagi *visiting program* untuk membawa penyelidik luar ke HICoE adalah tidak melebihi dua (2) minggu dan sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing.

b. Kelulusan Virement (Pindaan Agihan Peruntukan)

- (i) Kelulusan RMC adalah dibenarkan kepada 5% bagi pindahan vot dalam komponen yang sama untuk keseluruhan Dana Penyelidikan HICoE dan pindahan yang melibatkan komponen lain adalah tidak dibenarkan; dan
- (ii) Sekiranya melebihi peratusan yang telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing.

c. Kelulusan Pembelian Peralatan

- (i) Pembelian peralatan yang tidak dinyatakan secara terperinci di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing beserta perincian pembelian peralatan tersebut; dan
- (ii) Lawatan tapak ke HICoE oleh Panel Penilai JPT akan diadakan bagi mendapatkan perisian dan butiran lanjut berkaitan kegunaan pembelian peralatan tersebut (sekiranya perlu).

Dana Penyelidikan HICoE yang disalurkan kepada HICoE yang berjaya adalah sebagai *seed money* dalam tempoh yang telah ditetapkan. Justeru, HICoE perlu membina kemampuan untuk **menjana sumber pendapatan sendiri** dengan mendapatkan pendanaan luar seperti geran swasta/industri/antarabangsa pada tahun berikutnya bagi **mengurangkan kebergantungan HICoE** terhadap dana kerajaan serta memastikan mencapai KPI yang dipersetujui bersama diantara HICoE dan KPT. Sekiranya HICoE yang tidak mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan, KPT berhak untuk menyekat atau mengurangkan jumlah dana pada tahun/fasa tersebut atau berikutnya. Keputusan bagi penyaluran dana ini adalah di bawah Jawatankuasa Induk HICoE, KPT.

2.3 Peraturan Kewangan

Peraturan kewangan HICoE meliputi perbelanjaan pembangunan dan mengurus dalam **bidang nic HICoE** adalah seperti berikut:

2.3.1 Vot 11000

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- a. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mod penyelidikan sepenuh masa bagi warganegara dan bukan warganegara (rujuk **Lampiran 1**). Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,500 untuk pelajar PhD dan

RM2,000 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

2.3.2 Vot 21000

Perjalanan dan Pengangkutan

- a. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- b. Perjalanan ke luar negara dibenarkan sekiranya terdapat keperluan yang nyata dan manfaat dalam mencapai sasaran program HICoE. Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan di peringkat IPT masing-masing dan dimaklumkan kepada JPT untuk rekod bagi tujuan pemantauan kelak. Mana-mana perjalanan ke luar negara yang tiada dinyatakan atau tidak diperincikan di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE, ianya hendaklah mendapat kelulusan JPT terlebih dahulu.
- c. Perjalanan ke luar negara hendaklah memenuhi kriteria di bawah :-
 - (i) Perjalanan ke luar negara yang tidak dinyatakan atau tidak diperincikan di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing beserta kertas cadangan beserta jumlah peruntukan yang terlibat;
 - (ii) Setiap penyelidik (termasuk pengarah HICoE) hanya dibenarkan ke luar negara sekali setahun sahaja. HICoE perlu mendapatkan kelulusan JPT bagi perjalanan luar negara dalam tahun yang sama.
 - (iii) Hanya ahli/penyelidik tetap serta pelajar PhD/post-doktoral (hanya untuk sangkutan latihan) yang berkaitan dengan bidang nic HICoE (seperti yang dinyatakan dalam instrumen) CoE sahaja yang dibenarkan. Pemohon hendaklah menyatakan dengan

jasas jawatan/gred/fungsi tugas semasa bersama-sama tujuan lawatan ke luar negara tersebut;

- (iv) Perjalanan ke luar negara adalah dibenarkan bagi tujuan konferensi/persidangan, latihan dan jaringan kolaborasi. Untuk latihan dan jaringan kolaborasi perlu diiringi dengan MoU atau sebarang perjanjian lain dengan pihak ketiga dan kertas kerja yang jelas serta mendapat pengesahan RMC;
- (v) Perjalanan ke luar negara turut tertakluk kepada peraturan IPT masing-masing dan hendaklah mematuhi perkara-perkara di perenggan 2.2.1 : Tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang berkaitan dengan perjalanan ke luar negara;
- (vi) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- (vii) Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah;
- (viii) Tertakluk kepada kecukupan baki dana penyelidikan; dan
- (ix) Penyelidik di HICoE perlu mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan bagi **menghadiri konferensi/persidangan** seperti berikut :

Kriteria	Bidang	
	Sains dan Teknologi	Sains Sosial
Mod pembentangan	kertas kerja penuh secara lisan sahaja.	
Kelayakan	Ketua dan ahli projek (pelajar tidak dibenarkan)	
Penerbitan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 2 artikel dalam jurnal berindeks ISI (Q1/Q2); ATAU • 2 bab dalam buku penyelidikan; ATAU • 1 buku penyelidikan. 	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 2 jurnal berindeks ISI; ATAU • 2 bab dalam buku penyelidikan/1 buku penyelidikan.
	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan berindeks ISI (Q1/Q2) dalam tempoh 3 tahun terakhir; ATAU • 5 bab dalam buku penyelidikan; ATAU • 2 buku penyelidikan. 	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan berindeks ISI dalam tempoh 3 tahun terakhir; ATAU • 5 bab dalam buku penyelidikan; ATAU • 2 buku penyelidikan

2.3.3 Vot 24000

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

2.3.4 Vot 27000

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

2.3.5 Vot 28000

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Perbelanjaan tersebut harus meningkatkan keupayaan penyelidikan sedia ada.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh dana penyelidikan ini.

2.3.6 Vot 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

- a. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- b. Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek sekali sahaja untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan.

2.3.7 **Vot 35000**

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan aset IPT setiap HICoE. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur Perbendaharaan.

2.4 **Pindahan Vot di Bawah Komponen Dana Penyelidikan HICoE**

Bermula pada tahun 1 Mei 2023, HICoE tidak dibenarkan lagi untuk membuat pindahan vot di antara empat (4) komponen di bawah Dana Penyelidikan HICoE. Walau bagaimanapun, pindahan vot di dalam komponen yang sama adalah dibenarkan hanya untuk **sekali setahun** sahaja.

VOT	DESKRIPSI	TERMA RUJUKAN
11000	Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	<ul style="list-style-type: none">• Pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan.• Walau bagaimanapun, jika terdapat kekangan kewangan dan keperluan mendesak bagi menampung vot lain, pindah peruntukan hanya dibenarkan jika bilangan GRA yang bergraduat telah dicapai mengikut KPI;<ul style="list-style-type: none">- Hanya pada tahun kedua dan ke atas pelaksanaan projek; dan- Kelulusan di peringkat JPT.

VOT	DESKRIPSI	TERMA RUJUKAN
21000	Perjalanan dan Pengangkutan	Dibenarkan pindah peruntukan bagi perjalanan dalam negara bagi tujuan menghadiri persidangan/kerja lapangan/kutipan data dan lain-lain aktiviti berkaitan.
24000	Sewaan	Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan dan masih di dalam komponen yang sama.
27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan	
28000	Baik pulih kecil dan ubahsuai	
29000	Perkhidmatan Ikhtisas	

2.5 Kriteria Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE

Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE merupakan penyelidik yang mengetuai program/projek dan bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan sepertimana dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE yang diluluskan, antaranya merangkumi skop, objektif, jangkaan hasil, carta perbatuan, belanjawan dan lain-lain terma yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian dan juga ikatan perjanjian.

Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua apabila tidak dapat menjalankan peranannya melebihi tempoh tiga (3) bulan dan perlu mengemukakan permohonan pertukaran kepada RMC jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Cuti belajar/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/pasca doktoral atau seumpamanya;
- b) Bersara/tamat perkhidmatan;
- c) Dipinjamkan/berpindah ke organisasi lain;
- d) Sakit; atau
- e) Sebab-sebab lain (perlu mendapat perakuan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPi)).

Pengecualian dibenarkan bagi Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE yang bercuti sabatikal dengan syarat penyelidik menjalankan penyelidikan HICoE sepanjang tempoh cuti tersebut. Dokumen pembuktian perlu dikemukakan kepada RMC dan JPT untuk kelulusan meneruskan peranan sebagai Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE.

Permohonan yang lengkap berserta justifikasi kukuh dan memuaskan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pertukaran Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE baharu untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat JPT.

Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE perlu mengemukakan cadangan penyelidik yang bersesuaian dari segi kepakaran untuk menggantikannya. TNCPI bertanggungjawab untuk memastikan penyelidik layak untuk menjadi Ketua Program/Ketua Projek baharu. Pengganti Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE adalah *next appointed leader* yang dicalonkan di dalam proposal atau penyelidik bersama sedia ada dari HICoE yang sama dengan Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE yang asal. Penyelidik bersama tersebut mestilah telah menjadi ahli selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam kumpulan penyelidikan tersebut.

Sekiranya tiada penyelidik bersama sedia ada yang mampu mengambil peranan sebagai Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE, HICoE melalui TNCPI/RMC masing-masing boleh mengemukakan pencalonan nama penyelidik baharu yang sesuai kepada JPT. TNCPI perlu memastikan Pengarah/Ketua Program/Ketua Projek HICoE baharu hendaklah dari HICoE yang sama serta mempunyai kepakaran yang sama dengan Ketua Program/Ketua Projek asal.

2.6 Penalti dan Ketidapatuhan

Pejabat TNCPI dan HICoE perlu mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua ulasan di dalam laporan pemantauan prestasi yang dikemukakan oleh KPT. Sekiranya tindakan tidak diambil ke atas saranan pemantauan dan projek tidak menunjukkan kemajuan yang memuaskan, KPT berhak membuat pembekuan penyaluran dana penyelidikan HICoE bagi tahun berikutnya serta penarikan semula status HICoE.

HICoE yang telah digugurkan status perlu memulangkan semula baki dana penyelidikan HICoE dengan menyalurkan semula baki tersebut kepada akaun bendahari IPT masing-masing. KPT juga berhak mengambil kembali segala aset yang telah dibeli dengan menggunakan Dana Penyelidikan HICoE. Selain itu, ahli penyelidik (tetap dan bersekutu) akan **disenarai hitam dan disekat daripada menerima Dana Penyelidikan KPT untuk tempoh dua (2) tahun** daripada tarikh surat rasmi diberikan kepada IPT yang terlibat.

HICoE yang membelanjakan Dana Penyelidikan HICoE selain daripada yang dinyatakan di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE akan dikenakan penalti seperti pengurangan peruntukan pada tahun berikutnya.

TNCPI perlu memastikan baki Dana Penyelidikan HICoE **terus dibekukan** selepas HICoE tamat tempoh pelaksanaannya untuk memastikan perbelanjaan dana tersebut hanya di dalam tempoh yang dipersetujui. Sebarang penggunaan terhadap baki dana tersebut perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada JPT melalui RMC IPT masing-masing.

2.5 Tanggungjawab Pemegang Taruh (*Stakeholder*)

2.5.1 Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi

- a. Menguruskan keperluan peruntukan Dana Penyelidikan HICoE, KPT tertakluk kepada prosedur dan pekeliling berkuatkuasa;
- b. Melantik dan melatih panel penilai di peringkat JPT;
- c. Menguruskan proses penilaian HICoE;
- d. Menguruskan proses kelulusan dan penawaran projek penyelidikan bidang nic kepada HICoE yang berjaya; dan
- e. Menguruskan proses pemantauan/ lawatan tapak bagi HICoE yang telah diberi penarafan.

2.5.2 Jawatankuasa Penilaian HICoE

- a. Menilai dan memperakukan data instrumentasi;
- b. Menjalankan penilaian lawatan tapak ke CoE yang berkelayakan;
- c. Menilai prestasi keseluruhan dan projek penyelidikan bidang nic HICoE secara berkala;

- d. Memberikan cadangan dan saranan bagi kelangsungan prestasi keseluruhan dan projek penyelidikan bidang HICoE berdasarkan kepada prestasi projek penyelidikan dan kewangan;
- e. Memberikan cadangan penambahbaikan proses penilaian dan pemantauan kepada JPT; dan
- f. Menjaga etika dan kerahsiaan (Akta Kerahsiaan).

2.5.3 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

- a. Menilai dan menyokong semua permohonan pengurusan dan pentadbiran HICoE selari dengan Garis Panduan HICoE;
- b. Memastikan semua pihak yang terlibat melaksanakan penyelidikan mengikut ketetapan dan peraturan yang ditetapkan;
- c. Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan, pemprosesan sepanjang perjalanan penyelidikan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan HICoE;
- d. Memantau kemajuan prestasi keseluruhan dan penyelidikan serta pencapaian carta perbatuan mengikut tempoh masa yang ditentukan;
- e. RMC di IPT perlu membuat penilaian dalaman dan seterusnya mengesahkan Laporan Pemantauan Prestasi HICoE sebelum dikemukakan kepada urus setia JPT;
- f. Mengemaskini senarai aset yang dibiayai melalui dana penyelidikan HICoE;
- g. Wakil RMC perlu hadir di dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak;
- h. Memastikan semua perbelanjaan dana perlu mematuhi prosedur kewangan dan perolehan Kementerian Kewangan serta peraturan kewangan Universiti yang sedang berkuat kuasa; dan
- i. Sebarang perubahan daripada Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE asal perlu mendapat kelulusan bertulis dari JPT.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

3.1 Pemantauan

Setiap HICoE akan dipantau prestasi semasa masing-masing secara berkala oleh panel penilai yang dilantik oleh JPT. Pemantauan prestasi adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan serta pencapaian HICoE selari dengan hasrat utama program ini dan seterusnya dapat mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh JPT dengan berkesan dan cekap melalui pengurusan sumber yang berhemah. Setiap HICoE perlu mengisi dan menghantar kepada urus setia JPT tiga (3) aspek yang dinyatakan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) berdasarkan kala pemantauan yang ditetapkan dan lawatan pemantauan tapak (*site-visit*) akan diadakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

3.1.1 Pengisian Instrumen HICoE dalam Penyelidikan Bidang Nic

- a. Data yang berkaitan seperti di dalam Glosari HICoE;
- b. Data bagi input/output yang menggunakan Dana Penyelidikan HICoE serta memenuhi perkara seperti di **Lampiran 1**;
- c. Data berkaitan dengan bidang nic yang telah diputuskan; dan
- d. Data beserta senarai induk dan dokumen bahan bukti.

3.1.2 Laporan Kewangan Dana Penyelidikan HICoE

- a. Ringkasan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE mengikut komponen dan peratusan yang telah ditetapkan beserta dokumen bahan bukti (transaksi kewangan dan dokumen sokongan lain yang berkaitan); dan
- b. Laporan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE mengikut vot yang disahkan oleh Bendahari IPT.

3.1.3 Laporan Naratif

- a. Status semasa setiap projek penyelidikan yang menggunakan dana penyelidikan HICoE;
- b. Perancangan bagi kecemerlangan projek penyelidikan bidang nic HICoE untuk menjadi pakar rujuk pada masa akan datang;
- c. Laporan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE secara terperinci mengikut komponen yang telah ditetapkan; dan
- d. Impak penyelidikan HICoE kepada kerajaan, akademia, komuniti, indsutri dan persekitaran.

Laporan Prestasi Projek Penyelidikan HICoE mengikut *milestone*, bulanan atau suku tahunan adalah bergantung kepada RMC di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada JPT melainkan terdapat arahan khusus mengenainya. Walau bagaimanapun, penghantaran dokumen Laporan Pemantauan Prestasi HICoE seperti di perenggan 3.1.1 hingga 3.1.3 perlu dilaksanakan penilaian dalaman terlebih dahulu oleh RMC sebelum dokumen tersebut dikemukakan kepada KPT beserta **Lampiran 2**.

Pemantauan yang dilaksanakan oleh panel penilai adalah penting bagi JPT memastikan sesebuah HICoE berada dalam landasan yang betul bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Panel Penilai akan memberi pandangan dan syor ke atas prestasi sesebuah HICoE. JPT akan bertindak di atas pandangan dan syor Panel Penilai tersebut bagi memastikan matlamat program HICoE tercapai. Di antara tindakan-tindakan yang boleh diambil ialah:

- a. Menyemak dan menilai semula sasaran Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE;
- b. Menilai, menyemak dan menambahbaik pengagihan dana penyelidikan HICoE;
- c. Memperkukuh organisasi HICoE; dan
- d. Sebarang tindakan lain yang dapat memperbaiki prestasi HICoE.

Hasil pemantauan prestasi HICoE akan menjadi input utama bagi JPT menentukan halatuju sesebuah HICoE. Ini termasuklah keputusan berhubung penyaluran dana penyelidikan, penyemakan semula KPI, langkah pembetulan serta penambahbaikan program sesebuah HICoE.

3.2 Status Pemantauan

Pemantauan prestasi bagi tahun pertama HICoE akan dilaksanakan setiap enam bulan daripada tarikh rasmi permulaan pelaksanaan program HICoE iaitu enam bulan pertama dan enam bulan kedua selepas penarafan. Tarikh rasmi permulaan akan ditentukan secara bertulis oleh JPT. Prestasi pencapaian bagi tahun kedua dan ketiga HICoE pula akan dikategorikan kepada **tiga status** berikut :

STATUS	PRESTASI	PERINCIAN
Baik	<ul style="list-style-type: none">• Prestasi pencapaian HICoE melebihi KPI yang ditetapkan; dan• Penggunaan dana suntikan yang efektif dan efisien.	<ul style="list-style-type: none">• Status pencapaian ditentukan pada penilaian enam bulan kedua tahun pertama.• Pemantauan tahun kedua akan dibuat setelah dua belas bulan pelaksanaan.• Kala pemantauan dikekalkan jika status prestasi kekal.
Memuaskan	<ul style="list-style-type: none">• Prestasi HICoE mencapai KPI yang ditetapkan; dan• Penggunaan dana suntikan yang efektif dan efisien.	<ul style="list-style-type: none">• Status pencapaian ditentukan pada penilaian enam bulan kedua tahun pertama.• Pemantauan tahun kedua akan dibuat setelah dua belas bulan pelaksanaan namun jika perlu pemantauan setiap enam bulan akan dikekalkan (ditentukan berdasarkan laporan panel penilai).• Kala pemantauan dikekalkan jika status kekal.

STATUS	PRESTASI	PERINCIAN
Lemah	<ul style="list-style-type: none"> • Prestasi HICoE kurang dan tidak mencapai KPI yang ditetapkan; dan • Penggunaan dana suntikan yang lemah dan tidak berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Status pencapaian ditentukan pada penilaian enam bulan kedua tahun pertama; • Lawatan tapak perlu dibuat dan tindakan bagi meningkatkan pencapaian perlu dikemukakan oleh HICoE. • Pemantauan tahun kedua adalah setiap enam bulan. • Status HICoE akan ditarik balik jika prestasi pencapaian masih kekal setelah dua tahun pelaksanaan.

BAHAGIAN 4

SOALAN LAZIM (FAQ)

4.1 Permohonan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)

4.1.1 Siapakah yang layak untuk memohon Program HICoE?

Pusat Tanggungjawab (PTJ yang telah memenuhi syarat asas permohonan HICoE).

4.1.2 Adakah bidang nic HICoE yang dinyatakan oleh pihak KPT adalah bidang nic yang tetap atau ianya akan berubah mengikut keperluan Negara?

Bidang nic HICoE berubah mengikut kitaran permohonan yang akan dimaklumkan oleh KPT semasa permohonan dibuka.

4.1.3 Berapakah jumlah geran dan tempoh masa yang diberikan kepada CoE yang berjaya memperoleh pengiktirafan sebagai HICoE Fasa I?

Jumlah geran yang akan diberikan adalah berjumlah RM6.75 juta dalam tempoh masa tiga (3) tahun di mana RM3 juta bagi tahun pertama, RM2.25 juta untuk tahun kedua dan RM1.5 juta untuk tahun ketiga. Walau bagaimanapun, penyaluran dana bagi tahun kedua dan ketiga adalah bergantung kepada pemantauan dan pencapaian prestasi HICoE masing-masing.

4.1.4 Apakah yang dimaksudkan sebagai ahli tetap di CoE?

Ahli tetap adalah ahli akademik yang didaftarkan tetap di CoE atau ahli akademik di fakulti/pusat pengajian dan dipinjamkan kepada CoE. Surat lantikan penjawatan di CoE ditandatangani oleh Naib Canselor manakala surat lantikan ahli tetap/sepenuh masa ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk membuat lantikan. Tempoh minimum lantikan adalah enam (6) bulan semasa permohonan dibuat.

4.1.5 Adakah geran penyelidikan bukan di bawah CoE diambil kira dalam penilaian permohonan HICoE?

Geran yang diterima mempunyai afiliasi CoE dan berkaitan dalam bidang nic CoE sahaja akan diambil kira semasa penilaian permohonan HICoE.

4.1.6 Adakah Glosari HICoE akan dikemaskini setiap tahun?

Glosari HICoE akan ditambah baik setiap tiga (3) tahun dan permohonan HICoE perlu dibuat berdasarkan glosari terkini yang akan diberikan oleh KPT.

4.1.7 Adakah afiliasi diwajibkan dalam sesebuah penerbitan?

Afiliasi CoE perlu dinyatakan dalam setiap penerbitan selepas pengiktirafan HICoE. Walau bagaimanapun, ahli tetap CoE wajib menggunakan afiliasi CoE di dalam penerbitan yang dihasilkan untuk diambil kira semasa penilaian permohonan HICoE.

4.1.8 Adakah Endowmen boleh digunakan untuk Penyelidikan Kontrak dan adakah Hadiah boleh dimasukkan di bawah endowmen?

Endowmen, Penyelidikan Kontrak dan Hadiah adalah tiga (3) perkara berbeza di dalam permohonan HICoE. Oleh yang demikian, data-data tersebut perlu dikemukakan berdasarkan perincian di dalam Glosari HICoE.

4.2 Pelaksanaan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)

4.2.1 Adakah HICoE perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada KPT bagi pembelian peralatan dan perjalanan ke luar negara?

Sekiranya perkara tersebut tidak dinyatakan secara terperinci di dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE, HICoE perlu permohonan kelulusan secara bertulis kepada KPT melalui RMC IPT masing-masing.

Bagi perjalanan ke luar negara, setiap penyelidik (termasuk pengarah HICoE) hanya dibenarkan sekali setahun sahaja. HICoE perlu mendapatkan kelulusan JPT bagi perjalanan luar negara dalam tahun yang sama.

4.2.2 Adakah HICoE dibenarkan untuk membuat penambahan ahli tetap dan bersekutu?

Ya dibenarkan bagi penambahan ahli tetap dan permohonan yang lengkap berserta justifikasi perlu dikemukakan kepada KPT. Penambahan ahli bersekutu hanya memerlukan kelulusan di peringkat RMC sahaja serta surat pemakluman penambahan perlu dikemukakan kepada KPT.

4.2.3 Bagaimanakah pelaksanaan pemantauan HICoE?

Pelaksanaan pemantauan HICoE bergantung kepada tahap pencapaian prestasi sesebuah HICoE iaitu baik, memuaskan dan tidak memuaskan. Sekiranya tahap pencapaian prestasi adalah memuaskan dan tidak memuaskan, pemantauan akan diadakan setiap enam (6) bulan.

4.2.4 Adakah Laporan Kewangan HICoE memerlukan pengesahan Bendahari daripada IPT masing-masing?

Ya, beserta dokumen bahan bukti perbelanjaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

4.2.5 Adakah semua dokumen pemantauan perlu mendapatkan pengesahan RMC daripada IPT masing-masing?

Ya, RMC perlu melaksanakan penilaian dalaman terlebih dahulu sebelum dokumen tersebut dikemukakan kepada KPT.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**URUS SETIA HICoE
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
EMEL: coe.bkpi@mohe.gov.my**

**PERINCIAN DATA DALAM INSTRUMEN
PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI (HICoE)**

1. Penambahan ahli di HICoE :

- Bagi penambahan ahli tetap HICoE perlu membuat permohonan yang lengkap berserta justifikasi dan dikemukakan sekurang-kurangnya sebulan sebelum pelaksanaannya untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan di peringkat KPT melalui RMC masing-masing; dan
- Bagi penambahan ahli bersekutu hanya di peringkat RMC sahaja dan surat pemakluman penambahan perlu dikemukakan kepada KPT.

2. Kriteria yang ditetapkan bagi penghasilan bakat adalah seperti berikut:

- Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)
 - GRA yang dilantik dan dibiayai oleh geran Dana Penyelidikan HICoE tersebut;
 - Tempoh lantikan GRA adalah dalam tempoh projek aktif (minimum adalah enam bulan untuk pelajar Sarjana/Ph.D) dan perlu bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).
- Pelajar yang dibiayai daripada sumber lain :
 - Pelajar tajaan atau dibiayai daripada sumber lain selain projek penyelidikan;
 - RMC perlu membuat pengesahan status pelajar dan penyelidikan yang dijalankan, seterusnya mengemukakan maklumat tersebut kepada KPT;
 - Tempoh keterlibatan pelajar dalam penyelidikan adalah dalam tempoh projek aktif (minimum adalah enam bulan untuk pelajar Sarjana/Ph.D) dan perlu bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).
- GRA/Pelajar mestilah diselia oleh Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama yang disenaraikan oleh HICoE;

GRA/Pelajar mesti menjalankan pengajian yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Kandungan penyelidikan

Sarjana/Ph.D yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang dijalankan perlu disahkan oleh RMC;

- Had lantikan GRA bukan warganegara tidak melebihi 50% daripada GRA warganegara Malaysia.
 - Status Pengajian GRA/Pelajar sedia ada atau telah bergraduat perlu dikemaskini dari masa ke semasa kepada KPT walaupun tempoh penyelidikan telah tamat;
 - GRA/Pelajar yang menjalankan mod pengajian penyelidikan sepenuh masa diambil kira sebagai KPI asal bakat. Namun begitu, GRA/Pelajar yang mengikuti pengajian mod campuran yang mengandungi sekurang-kurangnya 70% komponen penyelidikan boleh diambil kira sebagai KPI bakat dengan syarat KPI asal bakat telah dicapai, tetapi tidak boleh dibiayai menggunakan geran penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan HICoE. GRA/Pelajar juga mestilah terlibat secara langsung dengan penyelidikan yang dijalankan. RMC perlu membuat pengesahan dan mengemukakan maklumat yang telah disahkan kepada KPT;
 - GRA/Pelajar yang dilantik mestilah bukan Ketua Projek/ahli penyelidikan bersama yang bercuti belajar;
 - Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara;
3. Output penerbitan yang diambil kira semasa pelaksanaan pemantauan HICoE adalah seperti berikut :
- Afiliasi HICoE dan penghargaan kepada Dana Penyelidikan HICoE perlu dinyatakan;
 - Penghargaan diberikan kepada lebih dari satu geran di bawah Dana Penyelidikan KPT dalam satu penerbitan yang sama hanya akan diterima sekiranya HICoE menyatakan pemberi dana terbesar untuk penghargaan pertama.
 - Penerbitan yang memberikan penghargaan kepada lebih dari satu pemberi dana hanya akan diambil kira jika penghargaan tersebut adalah daripada Kementerian/Agensi yang berbeza.

4. Geran penyelidikan berikut akan diambil kira sebagai Geran Penyelidikan Dana Universiti :
- Geran yang dibiayai melalui tabung penyelidikan dan dana Universiti Penyelidikan diambil kira;
 - Sumber geran yang diperolehi daripada *Parent Bodies* IPT/*Home Universities*/Kampus induk Negara asal yang dinilai boleh diambil kira; dan
 - Semua geran yang diperolehi daripada sumber selain universiti mestilah bersifat geran terbuka dan kompetitif.

**PENGESAHAN OLEH TIMBALAN NAIB CANSELOR
LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN SEBAGAI
PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI (HICoE)**

Ulasan/Komen (Jika Ada) :

Tanda tangan :

.....

Nama dan
Cop Rasmi : ()

Tarikh :